



## 1088 KEFAHAMAN TENAGA PENGAJAR SAUDARA BAHARU TERHADAP KONSEP *AL-TADARRUJ* DALAM PENGAJARAN

Noraini Mohamad<sup>1</sup>  
Mariam Abd Majid<sup>2</sup>

### 1.0 PENGENALAN

Saudara baharu merupakan golongan yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya khususnya dalam menerapkan pendidikan berteraskan Islam. Proses pendidikan melalui penyaluran maklumat yang tepat mampu memberi penghayatan yang berkesan kepada saudara baharu. Kelangsungan terhadap proses pengajaran berkesan memerlukan kepada kemahiran tenaga pengajar mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan pelajar. Justeru penulisan ini mengkaji aspek kefahaman tenaga pengajar terhadap pendekatan pengajaran berasaskan konsep *al-tadarruj*. Ia bertujuan meneliti kefahaman tenaga pengajar terhadap pendekatan yang digunakan dalam pengajaran. Sub topik kajian ini mewakili metodologi kajian, konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran, keperluan *al-tadarruj* dalam pengajaran saudara baharu, kefahaman tenaga pengajar terhadap konsep *al-tadarruj* dan kesimpulan.

### 2.0 METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual. Seramai sembilan orang tenaga pengajar telah dipilih mewakili institusi pengajian saudara baharu di Malaysia. Institusi tersebut ialah Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS) di Selangor, Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) di Kelantan dan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (PUSBA) di Kedah. Dapatan kajian telah dianalisis secara tematik menggunakan perisian atlas.ti.8

### 3.0 KONSEP *AL-TADARRUJ* DALAM PENGAJARAN

Konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran saudara baharu berasaskan kepada empat komponen utama iaitu modul, kaedah, medium dan saudara baharu. *Al-tadarruj* dalam modul melibatkan keutamaan dalam penyampaian iaitu memfokuskan kepada skop akidah terlebih dahulu kemudian diikuti dengan pelaksanaan syariat dan pembentukan akhlak. *Al-tadarruj* dalam kaedah pengajaran pula merujuk kepada empat aspek iaitu menyampaikan (*al-'aradh*), mempertanggungjawabkan (*al-ilzaam*), memantau (*al-himaayah*) dan menjinakkan (*al-ta'liif*). Medium pengajaran dalam *al-tadarruj* boleh difahami sebagai alat atau kebolehcapaian saudara baharu untuk mendapatkan maklumat pembelajaran bergantung kepada kesesuaian masa dan keadaan saudara baharu itu sendiri. Berikut merupakan lakaran rajah terhadap model *al-tadarruj* dalam pengajaran saudara baharu.

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. [norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my).

<sup>2</sup> Prof. Madya, Dr. Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. [mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my).



Rajah 3.1 Model *al-tadarruj* dalam pengajaran saudara baharu  
Sumber: Ibrahim Abdullah al-Mutlaq (2010)

#### 4.0 KEPERLUAN AL-TADARRUJ DALAM PENGAJARAN SAUDARA BAHARU

Memahami apa yang diinginkan oleh saudara baharu merupakan satu seni yang perlu ada dalam diri individu muslim terutama tenaga pengajar saudara baharu. Saudara baharu diibarat seperti kain putih yang tidak ada dosa, maka sebagai seorang muslim perlu mencorakkan mereka supaya menjadi muslim yang betul-betul beramal dengan ajaran Islam. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud;

*Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW telah bersabda; "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih. Kedua orang tuanyalah yang membuatnya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. Sebagaimana seekor ternakan yang melahirkan anaknya (dengan sempurna kejadian dan anggotanya), adakah kamu menganggap hidung, telinga dan lain-lain anggotanya terpotong?"*

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari RA dalam *Kitab al-Jana'iz* (no. 1358, 1359



dan 1385), *Kitab al-Tafsir* (no.4775), *Kitab al-Qadar* (no. 6599), Imam Muslim RA dalam *Kitab al-Qadar* (no. 2658), Imam Malik RA dalam *al-Muwatta'* (no.507) dan riwayat Imam Ahmad RA dalam Musnadnya (no.8739).

Melalui hadis ini, boleh difahami bahawa saudara baharu boleh dianggap seperti kanak-kanak yang suci bersih daripada sebarang dosa. Oleh itu, masyarakat Islam perlu mencorakkan mereka menjadi umat Islam yang berilmu dan beramal dengan ajaran Islam. Namun proses menuntut ilmu bukan sesuatu yang mudah bagi mereka yang bergelar saudara baharu kerana mereka mempunyai pelbagai kekangan melibatkan hubungan kekeluargaan, persekitaran, penyesuaian dengan masyarakat Islam, kewangan dan sebagainya lagi. Justeru keperluan kepada pendekatan pengajaran secara *al-tadarruj* itu sangat perlu kepada saudara baharu kerana elemen terbesar dalam proses *al-tadarruj* ialah pendekatan secara berhikmah. Sebagaimana Sayyid Qutb (1998) mengatakan hikmah ialah suatu keseimbangan iaitu dengan mengetahui sebab dan alasan serta tujuan. Hikmah juga merupakan keupayaan untuk membimbing seseorang ke arah peribadi yang lebih baik dan benar.

Konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran saudara baharu memperlihatkan, konsep hikmah merupakan satu pendekatan yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar khususnya dalam proses menyampaikan ilmu Islam. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud;

*Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik..."*

(*al-Nahl*: 125)

Pendekatan hikmah merupakan cabang daripada *manhaj al-tadarruj* dan ia boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk mengikut kesesuaian golongan sasaran. Sebagaimana pendekatan pengajaran yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW di awal proses menuntut ilmu adalah dimulai dengan mendengar (Ibrahim al-Mutlaq: 2010). Metode ini juga boleh dilakukan oleh tenaga pengajar pada hari ini, saudara baharu perlu diperdengarkan dengan alunan al-Quran Allah SWT terlebih dahulu. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

*Maksudnya: "Dengarlah wahai sekalian manusia, janganlah kamu semua menjadi kafir sehingga kamu semua saling membunuh di antara satu sama lain."*

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, dalam *kitab al-'ilm*, iaitu bab pada menyatakan "diam untuk mendengar nasihat ulama". Hadis ini merupakan hadis ke-118.

Ibnu Hajar mengatakan proses *al-tadarruj* dalam menuntut ilmu dimulai dengan mendengar merupakan hikmah yang cukup besar. Begitu juga dikatakan oleh Sufian al-Thawri, beliau menyatakan proses menuntut ilmu itu perlu dimulai dengan mendengar, kemudian mendengar dengan lebih mendalam, menghafal, beramal dan menyebarkan ilmu tersebut (Ibnu Hajar: 1990). Pernyataan ini membuktikan bahawa proses menuntut ilmu itu perlu dilakukan



secara bertahap dan berperingkat. Oleh itu, saudara baharu memerlukan pendekatan *al-tadarruj* dalam pengajaran supaya mereka boleh mempelajari Islam secara berperingkat dan lebih mudah difahami dan

baharu perlu diberi pelbagai sokongan sama ada melibatkan emosi dan pemahaman ajaran Islam. Selain itu, saudara baharu juga perlu diberi latihan dan pendidikan secara bersistem bagi menjamin kefahaman mereka ke arah yang lebih baik (Yusof Marlon: 2014). Selain pembimbing yang berwibawa seperti ustaz, imam masjid, pegawai agama dan pemimpin tempatan, saudara baharu juga memerlukan '*role model*' untuk mereka jadikan contoh seperti seorang dihayati. Ini kerana mereka tidak boleh menerima sesuatu perkara baharu secara sekali gus.

Kajian lepas juga menunjukkan saudara baharu perlu didedahkan dengan pendekatan *al-tadarruj* dalam pengajaran. Antaranya ialah untuk merawat psikologi saudara baharu. sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Nur A'thiroh Masyaa'il dan Fariza (2009) yang menyatakan, saudara fasilitator yang boleh memberi panduan serta penunjuk jalan kepada mereka di samping jiran dan masyarakat beragama Islam yang lain (Mohd Azmi & Maimunah: 2003). Semua dapatan ini membuktikan saudara baharu perlu diberi pendidikan berterusan dan berperingkat bagi menjamin keberkesanan dan kefahaman mereka terhadap agama Islam, selain mereka tidak merasa terpinggir dan diabaikan.

### 5.0 KEFAHAMAN TENAGA PENGAJAR TERHADAP KONSEP AL-TADARRUJ

Berdasarkan kajian lapangan yang dibuat di institusi yang terlibat iaitu di IDIP, ILDES dan PUSBA, dapatan telah mengeluarkan tiga tema utama iaitu kefahaman tenaga pengajar mengenai definisi *al-tadarruj*, kefahaman tenaga pengajar mengenai konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran dan kefahaman tenaga pengajar terhadap aplikasi konsep *al-tadarruj* dalam aktiviti pengajaran. Berikut merupakan ringkasan kepada dapatan kajian.

Jadual 5.1 Rumusan dapatan kefahaman tenaga pengajar terhadap konsep *al-tadarruj*

Tema	Sub Tema	Sub-sub Tema
Kefahaman tenaga pengajar terhadap <i>manhaj al-tadarruj</i> dalam pengajaran	Definisi <i>al-tadarruj</i>	Beransur-ansur, berperingkat-peringkat, bertahap, peringkat asas kepada lanjutan, susah kepada senang, sukar kepada mudah, sempit kepada lapang, tempoh yang lama, tidak membebankan, <i>al-tadarruj</i> dalam konteks penurunan al-Quran, penetapan hukum, sirah Rasulullah
	Konsep <i>al-Tadarruj</i> dalam Pengajaran	Pendekatan program amali dakwah, pendekatan dakwah secara bertahap, pengalaman dan kesukaran ikut peringkat, pendekatan pengajaran mengikut keperluan dan kefahaman pelajar, pendekatan hikmah, soalan ringan kepada soalan berat, ikut kemampuan pelajar, penerangan tahap



		rendah kepada tinggi berdasarkan kemampuan, jelaskan istilah-istilah yang tidak difahami, kesabaran tenaga pengajar dalam mendidik
	Contoh pendekatan <i>al-tadarruj</i> dalam bab / topik pelajaran	Hurai definisi bahasa dan istilah, datangkan dalil-dalil dan perbahasan ulama, selesaikan secara berperingkat, fokus kepada tauhid di peringkat awal, konsep ketuhanan, ikut kemampuan pelajar, tinggalkan sementara hadis-hadis panjang, ambil hadis-hadis pendek dahulu, tidak habiskan tajuk yang susah dalam satu masa

Sumber: Temu bual & Pemerhatian (2017)

Berdasarkan jadual 5.1, dapatan kajian telah menghasilkan tiga sub tema iaitu definisi *al-tadarruj*, konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran dan contoh *al-tadarruj* dalam bab atau topik pelajaran. Sub tema tersebut dihuraikan seperti berikut.

### 5.1 Definisi *al-Tadarruj*

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada tenaga pengajar kebanyakannya memahami makna *al-tadarruj* sebagai berperingkat-peringkat dan beransur-ansur. Pemahaman yang dijelaskan oleh PK2 ILDAS sebagaimana berikut; “*dari sudut bahasa tu tadarruj ni maksudnya berperingkat-peringkat, daripada susah kepada senang, daripada sukar kepada mudah, daripada sempit kepada kelapangan*”(D02:18). Tambah beliau lagi; “*tadarruj ni dalam Islam pun ada peringkat-peringkat kan, maksudnya contohnya pengharaman arak, contohnya apa ni kalau pada apa ni dakwah kita mestilah ada peringkat-peringkat, kita tengok sirah pun ada peringkat-peringkat kan dakwah nabi kan secara sirriyah dengan jahriyyah itu peringkat-peringkatlah kan*”(D02:19). PK2 ILDAS pula menyatakan makna *al-tadarruj* sebagaimana berikut; “*tadarruj ataupun al-tadrij berperingkat-peringkat ni disebutkan melaksanakan sesuatu itu secara berperingkat-peringkat ataupun Yusuf Qardhawi kata apa tadarruj melaksanakan hukum Islam secara peringkat supaya lebih berkesan dan sebagainya, jadi dia lebih kepada step by step lah*”(D03:38).

Beliau menguatkan lagi dengan rujukan kitab sebagaimana berikut; “*tengok dalam Muhammad Ali al-Sobuni contohnya dalam kitab Ra’ul Bayan contohnya lah kan, Tafsir al-Ahkam contohnya, bagaimana dengan penurunan hukum berkaitan dengan arak itu sendirikan, kat situ kita belajar, cerita tentang arak, tetapi kita belajar tentang tadrij itu sendiri, berperingkat-peringkat kan*”(D03:39). Beliau juga mengaitkan makna *al-tadarruj* sebagai memahami kaedah atau perjalanan dakwah Rasulullah SAW dengan katanya; “*kita lihat juga berkaitan dengan fiqh sirah apa ni...berkaitan dengan kaedah dakwah yang dilaksanakan oleh Nabi SAW selama 23 tahun dilaksanakan secara berperingkat-peringkat*”(D03:40). Beliau mentafsirkan makna *al-tadarruj* bukan semata-mata bahasa, bahkan mendatangkan makna *al-*



*tadarruj* dalam bentuk dan konteks yang pelbagai seperti peristiwa, kaedah dan sebagainya lagi. (D03:41).

PK3 ILDAS pula mengatakan begini; “*tadarruj ni biasanya cara beransur-ansur ni memang, aaa...dia memang satu perkara yang tak boleh diterus dimasukkan begitu saje, dia memang mengambil masa yang lama, jadi sebab itu dia dikatakan beransur-ansur, dia lambat haa*”(D04:25). Beliau menghuraikan kepada proses al-tadarruj yang merupakan satu proses yang lama dan panjang. Justeru ia boleh dilaksanakan, namun memerlukan kepada bersungguh-sungguh dan konsisten untuk mendapat hasil yang baik. Selain itu, makna al-tadarruj juga difahami oleh PK3 PUSBA dengan makna yang hampir sama sebagaimana kenyataan berikut; “*tadarruj ni apa yang saya faham ialah secara peringkat-peringkat lah dalam pengajaran ni, jadi apa yang penting apa yang saya nampak ialah makna kata tahap tahap itu mesti kita mulakan daripada peringkat asas kan*”(D08:10). Berdasarkan kepada kenyataan ini menunjukkan beliau memahami konteks al-tadarruj dalam konteks pengajian perlu kepada peringkat asas terlebih dahulu kemudian menginjak ke peringkat yang lebih tinggi.

Adapun PK1 IDIP mendefinisikannya seperti ini; “*manhaj al-tadarruj ni, ia satu manhaj yang baik lah, maknanya beransur-ansur. Manhaj yang tidak menekan, ataupun tidak sekali gus berat. Tidak memberati lah kepada para pelajar, tapi beransur-ansur. Sesuai dengan konsep ajaran yang ditunjukkan oleh Allah SWT kepada baginda Rasulullah SAW, turunnya al-Quran tu munajjaman, beransur-ansur, tidak sekali gus*”(D10:27). Beliau menyatakan bahawa metode ini merupakan metode yang tidak membebankan malah ia boleh memberi keringanan kepada pelajar mahu pun golongan sasaran kerana ia bergerak secara beransur-ansur sesuai dengan konsep al-Quran yang diturunkan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan manusia pada ketika itu. Begitu juga apa yang difahami oleh PK3 IDIP berkaitan makna al-tadarruj. Kata beliau; “*beransur-ansur...konsep ni yang saya faham berperingkat, kita kira mengajar berperingkat, kita tak boleh serentak, maknanya, kita.. tadarruj ni kita perlu bertadarruj secara berperingkat, masa sampaikan pelajaran kita tak boleh nak..er..bagi..kira ambil semua lah, tak boleh, kita kena step by step*”(D12:26). Melalui maksud yang diterjemahkan oleh tenaga pengajar ini membuktikan tenaga pengajar sudah mendapat sedikit gambaran mengenai manhaj al-tadarruj yang menjadi fokus utama kajian.

## **5.2 Konsep al-Tadarruj dalam Pengajaran**

Konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran merupakan sub tema yang dihasilkan bagi menganalisis kefahaman tenaga pengajar terhadap konsep *al-tadarruj* yang boleh dilaksanakan, bahkan pernah digunakan dalam aktiviti pengajaran mereka. Berdasarkan sub tema ini, dapatan menghasilkan beberapa huraian yang dijelaskan oleh tenaga pengajar adalah menepati konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran. Antaranya ialah jawapan PK1 ILDAS; “*contohnya setiap daripada pelajar tu pergi berdakwah secara dakwah fardiyyah kepada orang tua, kepada non muslim, kepada remaja, pendekatan-pendekatan yang digunakan, dari situ dia akan dapat pengalaman-pengalaman kan, kesukaran-kesukarannya, ikut peringkat-peringkatlah*”(D02:23).

Melalui jawapan beliau ini menunjukkan pelaksanaan konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran adalah berdasarkan latihan amali yang dibuat oleh para pelajar sewaktu aktiviti dakwah di lapangan. Menurut beliau, dari situ pelajar akan mengetahui tahap atau peringkat yang



sesuai dalam penyampaian dakwah kepada golongan sasaran. Beliau juga menambah, pengamalan pengajaran di ILDas menggabungkan teori dan amali menyebabkan pelajar dapat memahami secara realiti apa yang bakal berlaku apabila mereka telah memasuki lapangan untuk menyebarkan dakwah dan sebagainya (D02:20&21). Sebagaimana kenyataan beliau lagi; *“tapi bila peringkat kepada lapangan, maksudnya saya berikan tugas kepada mereka, contohnya menyediakan risalah untuk diedarkan kepada masyarakat, kemudian kita ada amali dakwah”*(D02:22).

PK2 ILDas pula memahami konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran berdasarkan kepada aspek memberi kemudahan dalam pengajaran. Penjelasan beliau seperti berikut; *“mereka tidak boleh buat satu benda yang berat, jadi kita boleh sampaikan dengan cara ke kanan dulu ke ke kiri dulu tapi matlamatnya sampai”*(D03:23). Cara beliau memahami adalah dengan melihat kepada kaedah pengajaran. Pengkaji melihat ia suatu pemahaman yang dikira tepat dan ia termasuk antara kaedah *al-tadarruj* yang sebenar. Selain itu, beliau juga menambah berkaitan penyampaian secara berhikmah dalam pengajaran merupakan salah satu konsep *al-tadarruj* yang difahami. Sebagaimana ulasan beliau; *“kita lebih kepada yang hikmah ini kita kepada soalan ringan kepada soalan berat lah, soalan ringan contoh apa, sebagainya, akhir sekali mungkin bagaimana dan sebagainya lah kan, dia maknanya, dia lama-lama dia akan apa lebih very deep, lebih mendalam kan”*(D03:26).

Pada masa yang sama beliau juga menambah, walau apa sahaja pendekatan yang digunakan, namun beliau tetap fokus kepada silibus di samping menyeimbangkannya dengan kemampuan pelajar (D03:42). Ulasnya seperti berikut; *“silibus ni sebagai satu panduan kita, tapi bagaimana kita nak rencanakan tu maknanya ikut kepada pemahaman, latar belakang, kesediaan pelajar, waktu, kadang-kadang waktu ni amat penting kadang saya buat kelas siang, kadang malam, dan sebagainya la kan”*(D03:43). Kenyataan ini turut disokong oleh PK1 IDIP yang mana beliau turut melakukan perkara yang sama iaitu mengambil pendekatan memberi kemudahan kepada pelajar dengan mengambil perkara yang ringan dan mudah terlebih dahulu berbanding perkara yang lebih susah bagi memberi kemudahan kepada pelajar (D10:24). Berdasarkan dapatan ini menunjukkan sudah ada kesedaran dalam kalangan tenaga pengajar berkaitan konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran dan ia perlu diteruskan dan dikembangkan supaya pelajar saudara baharu mendapat impak yang lebih baik khususnya dari aspek pendidikan.

Selain itu, PK3 PUSBA pula memahami konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran ini sebagai tahap atau peringkat pelajar yang ditempatkan di sesebuah institusi iaitu setiap pelajar perlu melalui beberapa tahap pengajian bermula peringkat rendah sehingga ke tahap yang paling tinggi. Sebagaimana kenyataan beliau seperti berikut; *“diamalkan di PUSBA ni peringkat yang sangat asas sangat rendah, kalau kita katakan mungkin tahap yang berikutnya mungkin mereka ni akan sambung di ILDas ke IDIP”*(D08:11). Kenyataan yang dikeluarkan ini menunjukkan kefahaman beliau terhadap konsep pengajaran yang dijalankan secara bertahap dan berperingkat merupakan perkara asas bagi *manhaj al-tadarruj*.

PK2 PUSBA pula menjelaskan, aspek *al-tadarruj* dalam pengajaran ini adalah memberi penerangan mengikut tahap kemampuan pelajar iaitu bermula dari tahap rendah dan kepada tahap yang lebih tinggi. Ikuti penjelasan beliau; *“kaedah yang daripada level step level*



*bawahlah step by step sebab saudara baharu ni orang yang orang yang baharu masuk Islam penerangan dia pun dengan tahap rendah, dan istilah-istilah bahasa Arab yang ada dalam pelajaran tu pun saya akan terangkan*”(D07:18). Berdasarkan penjelasan beliau ini, menunjukkan elemen *al-tadarruj* sudah difahami dan telah berjaya diaplikasikan oleh beliau dengan cara yang amat baik. Pengkaji melihat cara yang digunakan adalah bersandarkan kepada pengalaman beliau sebagai saudara baharu suatu ketika dahulu yang menyebabkan beliau lebih menghayati kehendak sebenar saudara baharu.

Beliau juga menambah berkaitan tempoh atau masa untuk melihat keberkesanan itu tidak boleh dijangka kerana pengajaran memerlukan tempoh masa yang Panjang. Justeru sebagai tenaga pengajar sangat penting bagi mereka untuk meningkatkan kesabaran dalam mendidik. Ulas beliau seperti kenyataan berikut; *“jadi bila kita ajar kaedah ni, tapi kita tak boleh haraplah. Dia dalam sebulan..sebab Islam kita kena ingat diturunkan wahyu oleh Allah 23 tahun, Nabi, Nabi sendiri menghadap manusia mengambil 23 tahun. Ini kita pula bukan Nabi, menghadap satu manusia dia mungkin ambil proses lama. Ada juga perubahan cepat ada juga perubahan lambat. Jadi kita kena sabar. Kita kena ikut cara Nabi*”(D07:60&61). Melalui kenyataan ini, menunjukkan kesabaran dalam mendidik merupakan tonggak utama kepada kejayaan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian cuba membuktikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan kepada satu sistem yang lengkap dan terurus supaya keberkesanan pengajaran akan mudah dicapai, selain penggunaan sistem juga boleh dijadikan garis panduan kepada tenaga pengajar yang lain.

### **5.3 Aplikasi Konsep *al-Tadarruj* dalam Aktiviti Pengajaran.**

Hasil kajian mendapati aplikasi *manhaj al-tadarruj* dalam aktiviti pengajaran yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar adalah melibatkan bab atau topik pelajaran yang diajar seperti mengamalkan penerangan terhadap bab yang akan dipelajari terlebih dahulu iaitu dengan memperkenalkan tajuk, definisi, dalil dan perbahasan ulama. Selepas penerangan dilakukan secara umum, tenaga pengajar akan menerangkan secara lebih terperinci satu persatu. Sebagaimana kenyataan PK2 ILDAS dalam jawapan beliau; *“memang sudah menjadi satu disiplin ilmu pertamanya dari sudut definisi, dari sudut bahasa dan istilah (D03:44), kemudian daripada sudut definisi bahasa istilah kita datangkan daripada dalil-dalil al-Quran dan Sunnah supaya mereka biasa dengan itu dulu (D03:45), masuk kepada perbahasan ulama-ulama (D03:46), macam mana kita nak selesaikan, so berperingkat-peringkat lah, kat situ mereka ni lebih susur galur tu*”(D03:48). Melalui kenyataan yang diberikan oleh PK2 ILDAS ini menunjukkan beliau telah menggunakan beberapa tahap dan peringkat dalam menjelaskan isi pelajaran.

PK2 PUSBA pula menyatakan, beliau akan menceritakan mengenai ketauhidan kepada Allah SWT yang pertama, memandangkan beliau juga merupakan salah seorang tenaga pengajar subjek akidah. Beliau juga menyatakan, perlu kita memberi penerangan yang jelas kepada saudara baharu terutama mengenai ketauhidan kepada Allah SWT. Jelas beliau seperti berikut; *“dan banyak saya tekankan tentang tauhid kepada Allah SWT, saya terangkan kenapa ketuhanan agama lain kita tak boleh percaya. Jadi saya terangkan yang itu adakah boleh layak jadi Tuhan. Bila kata tuhan dia mesti ada kelayakan dari segi sifat-sifat dia dan sebagainya. Saya bagi tahu*





*ni manusia tak boleh cipta. Tuhan yang cipta kita jadi kita nak kenal Tuhan sifat dia macam mana*”(D07:22).

Beliau juga menambah, dalam usaha menyampaikan kefahaman tauhid kepada pelajarannya, beliau telah mengambil kaedah isteri baginda saidatina Aisyah RA iaitu apabila ditanya bagaimana cara mengenal Allah SWT, maka jawab saidatina Aisyah RA adalah melalui makna al-Quran, mengenal sifat-sifat Allah SWT dan juga ayat-ayat yang berkaitan dengan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT supaya jiwa dapat disuburi dengan penerangan dan dalil yang jelas. Apabila pelajar sudah mengenali Allah SWT dengan sebenar-benarnya, maka mudah bagi mereka mengamalkan ibadah dan konsisten melakukan ibadah tersebut kerana sudah lahir dalam diri mereka keseronokan dan kelazatan dalam melakukan ibadah kepada Allah SWT (D07:23).

Dapatan di IDIP pula menunjukkan tenaga pengajar menyampaikan pengajaran berdasarkan tahap dan kemampuan pelajar. Sebagaimana kenyataan PK1 IDIP, “*saya mengikut tahap kemampuan para pelajar lah, macam kelas KPP tadi, kita ada tinggal hadis yang panjang. Macam hadis Iman, Ihsan, Islam, itu hadis panjang*”(D10:22), “*jadi saya tinggal la dulu. Kita ambik yang mudah-mudah supaya mereka rasa mudah belajar, rasa nak belajar*”(D10:23), “*dalam satu masa tu, kita ada satu jam tu, kita tidak terus habiskan, terus habiskan satu tajuk yang kita ajar tuh. Tapi kita ansur-ansur, tadarruj, bagi muqaddimah dulu, pahtu baharu masuk kepada isi*”(D10:28). Melalui kenyataan PK1 IDIP menunjukkan beliau telah menggunakan pendekatan berdasarkan kepada *manhaj al-tadarruj* iaitu dengan melihat tahap kemampuan pelajar terlebih dahulu sebelum masuk kepada tajuk dan perbincangan tajuk. Selain itu, beliau juga menyampaikan tajuk yang pendek dan mudah terlebih dahulu berbanding tajuk yang panjang dan agak susah. Sebelum memulakan pengajaran, beliau juga telah memperkenalkan tajuk dan isi terlebih dahulu sebelum meneruskan pengajaran kepada huraian berikutnya. Namun PK3 IDIP pula menyatakan sedemikian; “*kadang-kadang perlu. Kadang-kadang, saya tak buat jugak. Err.. tengok daripada subjek jugak. Jarang*”(D12:27). Kenyataan ini menunjukkan aspek *al-tadarruj* masih kurang difahami oleh beliau.

Justeru dapat dirumuskan bahawa, sudah ada elemen *manhaj al-tadarruj* dalam pelaksanaan pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar. Antaranya ialah dengan menyampaikan penerangan secara umum terlebih dahulu pada setiap bab yang akan diajar, selain tenaga pengajar juga telah menyampaikan tajuk yang lebih mudah terlebih dahulu berbanding tajuk yang lebih susah dengan melihat kepada tahap dan situasi pelajar saudara baharu.

## 6.0 KESIMPULAN

Kefahaman tenaga pengajar terhadap konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran terbahagi kepada tiga aspek iaitu kefahaman tenaga pengajar tentang definisi *al-tadarruj*, kefahaman tenaga pengajar mengenai konsep *al-tadarruj* dalam pengajaran dan kefahaman tenaga pengajar mengenai aplikasi konsep *al-tadarruj* yang digunakan dalam aktiviti pengajaran. Berdasarkan dapatan yang dikemukakan menunjukkan sebahagian besar tenaga pengajar memahami konsep *al-tadarruj* secara umum, namun ada juga sebahagian kecil tenaga pengajar memahaminya dalam konteks yang tepat terutama dalam menyatakan berkaitan beberapa aplikasi yang pernah dilaksanakan



dalam konteks pengajaran berasaskan *manhaj al-tadarruj*.

## RUJUKAN

- Ibnu Hajar Ahmad bin Ali al-‘Asqalani. 1990. Fath al-Baariy Syarh Sahih al-Bukhari. Dar al-Fikr.
- Ibrahim Abdullah al-Mutlaq. 2010. Al-Tadarruj fi Dakwah al-Nabiy. Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Abu Dardaa Mohamad. 2014. Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Jurnal al-Hikmah 6(2014): 78-93.
- Mohd Azmi Mat Sah & Maimunah Ismail. 2003. Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baharu: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka. Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 11(1): 81-95 (2003) ISSN: 0128-7702. Universiti Putra Malaysia Press.
- Noraini Mohamad. 2019. Pendekatan Pengajaran Berasaskan Manhaj al-Tadarruj Kepada Saudara Baharu di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Abdullah & Fariza Md Sham. 2009. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. Jurnal Hadhari Bil(2). 2009. 83-97. JAKIM & UKM.
- Sahih Bukhari. 1/46 Fathul Bari (Kitab al-Iman). Diriwayatkan oleh Al-Lalakaii. Hlm. 66. At-Tabari 6/271. Lihat Ibn Kathir. 3/120. Lihat: Manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah, 1/50. Khalid bin Abdul Latif.
- Sayyid Qutb. 1998. Tafsir fi zilal al-Quran. Pustaka Darul Iman.